

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASAH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci :-

- (a) berapakah cukai GST yang dikutip dari transaksi perkhidmatan Juruwang Automatik (ATM) sejak GST dilaksanakan berdasarkan bank; dan
- (b) jumlah kuitpan GST daripada caj perkhidmatan Online Banking berdasarkan bank.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara asasnya, GST akan dikenakan ke atas apa-apa fi atau caj yang dikenakan oleh pihak bank walaupun amaunnya adalah kecil. Ini termasuklah caj yang dikenakan ke atas perkhidmatan ATM dan *online banking*.

Berhubung dengan jumlah kutipan GST daripada transaksi ATM dan caj perkhidmatan *online banking* yang dibayar oleh pengguna, jumlah kutipan GST yang diisytihar dalam GST-03 adalah berdasarkan kepada jumlah nilai keseluruhan pembekalan bercukai yang dibuat oleh setiap bank. Pada masa ini, tiada keperluan untuk bank atau institusi kewangan yang berdaftar di bawah GST untuk memperincikan nilai berdasarkan setiap jenis pembekalan yang dilaksanakan di dalam penyata GST-03. Selain itu, Seksyen 8(1) Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 pula melindungi aspek kerahsiaan berhubung maklumat sesuatu perniagaan.